



**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN  
PROGRAM DIPLOMA TAHFIZ AL-QURAN DAN QIRAAT  
DI DARUL QURAN JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM) DAN  
LOKASI TAMBAHAN DARUL QURAN (LTDQ)  
SESI NOVEMBER 2021 – MAC 2022**

---

1. Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Akademik Darul Quran JAKIM Bil.1/2020 yang bersidang pada 10 September 2020 telah bersetuju memperakukan Garis Panduan Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Program Diploma Tahfiz al-Quran dan Qiraat di Darul Quran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Lokasi Tambahan Darul Quran (LTDQ). Garis Panduan ini terpakai sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) atau apa-apa perkara yang menghalang pelaksanaan PdP secara bersemuka tertakluk kepada arahan Kerajaan Malaysia.
2. Mesyuarat Jawatankuasa Pengajian Darul Quran JAKIM Bil.12/2020 yang bersidang pada 11 November 2021 telah bersetuju Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara **bersemuka/hibrid**.
3. Darul Quran JAKIM telah bersetuju untuk mengambil langkah-langkah berikut bagi pelaksanaan sesi pengajaran dan pembelajaran di Darul Quran JAKIM dan Lokasi Tambahan Darul Quran (LTDQ) mengikut SOP yang ditetapkan oleh pihak berkuasa.
4. **KALENDAR AKADEMIK PROGRAM DIPLOMA TAHFIZ AL-QURAN SEMESTER 2, 4 DAN 6 SESI 2021/2022**  
Sesi pengajian bagi Program Diploma Tahfiz al-Quran semester 2,4 dan 6 bermula pada tarikh **22 November 2021 sehingga 18 Mac 2022** iaitu selama 16 minggu. Pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- i. Semester 2,4 dan 6 secara bersemuka/hibrid di institusi masing-masing;
- ii. Kelas hibrid perlu dilaksanakan jika sekiranya mempunyai pelajar luar negara dan pelajar yang tidak/belum mengambil vaksin lengkap;
- iii. Pendaftaran kursus semester 2,4 dan 6 secara dalam talian (*e-kampus*);
- iv. Kalendar Akademik (sila rujuk lampiran A)

## 5. KAEDAH PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PDP)

### 5.1 Kursus Hifz al-Quran Syafawi dan Tahriri

- 5.1.1 Kelas kursus hifz al-Quran syafawi dan tahriri hendaklah dilaksanakan secara bersemuka;
- 5.1.2 Kelas hibrid perlu dilaksanakan jika sekiranya mempunyai pelajar luar negara dan pelajar yang tidak/belum mengambil vaksin lengkap;
- 5.1.3 Setiap pelajar perlu memperdengarkan hafazan kepada pensyarah tasmik secara bersemuka atau secara dalam talian (*video call*);
- 5.1.4 Pensyarah perlu merekodkan hafazan harian pelajar di buku rekod tasmik;
- 5.1.5 Pelajar **diwajibkan** menulis dan menghantar al-Quran Tahriri kepada pensyarah setiap kali sebelum sesi tasmik bermula (*Google drive/emel/whatsapp/pos* bagi pelajar dalam talian);
- 5.1.6 Kehadiran pelajar secara bersemuka dan dalam talian sepanjang kuliah adalah **diwajibkan**; dan
- 5.1.7 Kaedah pengajaran, penyampaian dan penilaian yang digunakan dan bahan pengajaran/tugasan/aktiviti yang dibekalkan menggunakan pelbagai platform dan perlu direkodkan sebagai bukti dalam fail pengajaran.

### 5.2 Kursus selain Hifz al-Quran

#### 5.2.1 Kuliah

- i. Kuliah hendaklah dilaksanakan secara bersemuka;
- ii. Kelas hibrid perlu dilaksanakan jika sekiranya mempunyai pelajar luar negara dan pelajar yang tidak/belum mengambil vaksin lengkap;
- iii. Pelaksanaan PdP dalam talian secara segerak (*live*): proses PdP berlaku pada masa sebenar (*real time*);

- iv. Semua pelajar diwajibkan menyertai semua sesi PdP yang dijalankan mengikut jadual yang ditetapkan.
- v. Kaedah pengajaran, penyampaian dan penilaian yang digunakan dan bahan pengajaran/tugasan/aktiviti yang dibekalkan menggunakan pelbagai platform dan perlu direkodkan sebagai bukti dalam fail pengajaran.

#### 5.2.2 Tutorial

- i. Kelas tutorial hendaklah dilaksanakan secara bersemuka;
- ii. Kelas hibrid perlu dilaksanakan jika sekiranya mempunyai pelajar luar negara dan pelajar yang tidak/belum mengambil vaksin lengkap;
- iii. Pelaksanaan PdP dalam talian secara segerak (live): proses PdP berlaku pada masa sebenar (real time);
- iv. Semua pelajar diwajibkan menyertai semua sesi PdP yang dijalankan mengikut jadual yang ditetapkan;
- v. Pensyarah dibenarkan membahagi kelas sekurang-kurangnya 2 (dua) kumpulan pelajar pada satu sesi PdP; dan
- vi. Kaedah pengajaran, penyampaian dan penilaian yang digunakan dan bahan pengajaran/tugasan/aktiviti yang dilaksanakan menggunakan pelbagai platform dan perlu direkodkan sebagai bukti dalam fail pengajaran.

### 6. REKOD KEHADIRAN PELAJAR

Sebarang bentuk penglibatan pelajar dalam aktiviti secara hibrid boleh dijadikan sebagai bukti kehadiran.

### 7. CONTOH APLIKASI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SECARA DALAM TALIAN

Kaedah segerak: *Google Meet/Facebook live/Youtube Live/Whatsapp/Zoom/Skype* dan lain-lain yang bersesuaian.

## 8. PENILAIAN / PEPERIKSAAN

- 8.1 Kaedah penilaian dan pentaksiran adalah berdasarkan kepada jenis kursus (kursus pengajian teras, kursus pengajian syukbah dan kursus pengajian MPU) yang diikuti oleh pelajar.
- 8.2 Peperiksaan akhir untuk semester 2, 4 dan 6 adalah secara **bersemuka di institusi masing-masing**.
- 8.3 Penilaian markah berterusan adalah sepertimana yang ditetapkan dalam proforma kursus
- 8.4 Peperiksaan akhir akan bermula pada **21 Mac 2022 hingga 8 April 2022**.

## 9. STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) PELAKSANAAN KELAS SECARA BERSEMUKA

### 9.1 Kelas Hifz al-Quran

- i. Memastikan pensyarah dan pelajar berada dalam keadaan sihat untuk hadir ke kelas. Jika mempunyai gejala sama ada mengalami demam (suhu badan  $37.5^{\circ}\text{C}$  dan ke atas), batuk, selesema, sakit tekak atau sesak nafas, mereka tidak dibenarkan hadir ke kelas dan perlu mendapatkan rawatan di mana-mana klinik kesihatan/hospital;
- ii. Bilangan pelajar di dalam sesebuah kelas bergantung kepada keluasan kelas dan tidak melebihi 12 orang;
- iii. Mengamalkan penjarakan sosial sekurang-kurangnya 1 meter;
- iv. Mewajibkan pemakaian *mask* dan *hand sanitizer*; dan
- v. Memeriksa suhu badan sebelum masuk ke kelas.

### 9.2 Kelas selain Hifz al-Quran

- i. Memastikan pensyarah dan pelajar berada dalam keadaan sihat untuk hadir ke kelas. Jika mempunyai gejala sama ada mengalami demam (suhu badan  $37.5^{\circ}\text{C}$  dan ke atas), batuk, selesema, sakit tekak atau sesak nafas, mereka tidak dibenarkan hadir ke kelas dan perlu mendapatkan rawatan di mana-mana klinik kesihatan/hospital;
- ii. Mengamalkan penjarakan sosial sekurang-kurangnya 1 meter;
- iii. Mewajibkan pemakaian *mask* dan *hand sanitizer*; dan
- iv. Memeriksa suhu badan sebelum masuk ke kelas.

## 10. MAKLUMAT UMUM

- 10.1 Ketetapan ini mengambil kira kepada kedudukan dan situasi negara yang masih dalam Pelan Pemulihan Negara (PPN) Covid-19.
- 10.2 Untuk makluman, **ketetapan sesi pengajian ini boleh berubah dan tertakluk kepada arahan pihak berkuasa dari masa ke semasa.**
- 10.3 Garis Panduan ini hanya tertumpu kepada PdP sahaja dan tidak melibatkan pengurusan yang lain.

## 11. TARIKH KUATKUASA

22 November 2021 hingga 8 April 2022

### **Disediakan Oleh:**

Cawangan Akademik

Darul Quran

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



**PINDAAN KALENDAR AKADEMIK  
PROGRAM DIPLOMA TAHFIZ AL-QURAN  
SESI 2021/2022**

SEMESTER 2, 4 DAN 6		
AKTIVITI	TARIKH	TEMPOH
PENDAFTARAN KURSUS (ONLINE)	22 NOV 2021 – 12 DIS 2021	3 MINGGU
KULIAH	22 NOV 2021 – 24 DIS 2021	5 MINGGU
PEPERIKSAAN ULANGAN	13 DIS 2021 – 17 DIS 2021	1 MINGGU
CUTI PERTENGAHAN SEMESTER	25 DIS 2021 – 2 JAN 2022	1 MINGGU
KULIAH	3 JAN 2022 – 18 MAC 2022	11 MINGGU
PEPERIKSAAN	21 MAC 2022 – 8 APR 2022	3 MINGGU
CUTI SEMESTER	BERMULA 9 APRIL 2022	

**NOTA**

- TAHUN BARU : 1 JANUARI 2022 (SABTU)
- THAIPUSAM : 18 JANUARI 2022 (SELASA)
- TAHUN BARU CINA : 1 - 2 FEBRUARI 2022 (SELASA-RABU)